

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN BIN HUSSIN
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis
DIBACAKAN OLEH
PROFESOR DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL,
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA)
SEMPENA
SIRI SYARAHAN TOKOH 2013
YBHG. SAC DATUK MOHD SOFIAN BIN MD MAKINUDDIN
DI DEWAN KAPITOL, KANGAR
PADA 27 MAC 2013

Bismillah Hirrahman Nirrahim

SALUTASI

Yang Berbahagia **SAC Datuk Mohd Sofian bin Md Makimuddin**, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Ancaman Ekstremis Sosial, dari Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia.

Yang Berbahagia **Profesor Dr. Ismail Daut**, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);

Yang Berbahagia **Profesor Dr. Zuraidah Mohd Zain**, Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat);

Pegawai-pegawai Utama Universiti;

Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan, Warga kerja Universiti Malaysia Perlis dan seterusnya para pelajar yang dihormati dan dikasihi sekalian;

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Good evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Wat.

KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subbaharu Wa' Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya telah mengizinkan kita semua untuk bersama-sama pada hari ini bagi mendengar **Siri Syarahan Tokoh 2013** yang akan disampaikan oleh **YBhg. SAC Datuk Mohd Sofian bin Md Makimuddin, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Ancaman Ekstremis Sosial**, dari **Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia**.
2. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin menyampaikan salam dan memohon maaf kerana tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini atas urusan kerja yang tidak dapat dilakukan. Untuk makluman, Dato' NC sangat mencintai bidang kepolisian

dan ketenteraan. Oleh itu, walaupun beliau tidak bersama kita pada hari ini, namun semangat dan patriotisme beliau ada di sini bersama-sama kita.

Hadirin dan hadirat sekalian,

UCAPAN PENGHARGAAN

3. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. SAC Datuk Mohd Sofian bin Md Makimuddin kerana memperuntukkan ruang dan buah fikirannya untuk menyampaikan syarahan bertajuk:

“Isu-Isu Semasa Dan Ancaman Keselamatan Negara.”

4. Harapan saya, semoga segala input dan ilmu yang bakal disampaikan sebentar lagi akan dapat dijadikan panduan kepada seluruh warga UniMAP dan juga para pelajar untuk meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing. Hal ini kerana soal keselamatan negara merupakan isu yang serius dan perlu diberi perhatian oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PERANAN UniMAP

5. Universiti Malaysia Perlis kini sedang mengorak langkah pantas dalam merealisasikan visi dan misi penubuhannya. Pencapaian UniMAP dalam usia muda menerajui pelbagai bidang telah berjaya melonjakkan nama UniMAP sebaris dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia dan antarabangsa.
6. Menyedari hakikat tersebut, UniMAP turut memainkan peranan penting terhadap aspek sosial dan sumbangan terhadap masyarakat sekitarnya. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang semakin berkembang kini dan menyedari tentang sumbangan terhadap masyarakat setempat, UniMAP berhasrat agar aspek keselamatan sosial negara dapat terus dikekalkan terutamanya kepada generasi muda dan ianya merupakan faktor penting yang perlu dititikberatkan dalam usaha memastikan keharmonian masyarakat agar sentiasa terpelihara.

SIRI SYARAHAN TOKOH 2013

7. Hasrat ini diselaraskan dengan mewujudkan satu medium perkongsian ilmu mengenai peri pentingnya dalam menjamin keamanan dan keharmonian negara agar terus utuh demi generasi yang akan datang. Atas dasar itulah, Siri Syarahan Tokoh 2013 ini dianjurkan sebagai satu

usaha untuk merealisasikan misi dan visi yang telah dirangka oleh Universiti selain menjalankan tanggungjawab sosial kami kepada masyarakat.

8. Untuk makluman para hadirin, Syarahan Umum Profesor ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsi pengalaman bersama panel jemputan berkaitan isu-isu semasa dan ancaman terhadap aspek keselamatan negara yang perlu disedari oleh segenap lapisan masyarakat. Saya percaya dengan pengalaman selama 37 tahun dalam bidang pertahanan banyak pengalaman dan isu-isu yang akan dikongsikan bersama dengan kita pada hari ini.
9. Selain itu, siri syarahan ini juga dijadikan sebagai platform perbincangan terbaik untuk memperolehi perkembangan terkini berkaitan bidang ketenteraan dan seterusnya pelajar dapat mempraktikkan amalan baik yang boleh dijadikan sebagai teladan untuk berjaya pada masa akan datang. Saya berharap program sebegini secara tidak langsung dapat menjadi pencetus semangat kepada hadirin sekalian betapa pentingnya keselamatan negara kita dijaga dan dapat menanamkan sikap cinta akan negara kita Malaysia terutama dalam kalangan pelajar.

ISU TERKINI

10. Seperti yang kita sedia maklum, baru-baru ini Negara digemparkan dengan pencerobohan tentera Kerajaan Sulu yang ingin menuntut bahagian timur Sabah (bekas Borneo Utara) kembali kepada Kesultanan Sulu dan mereka ini menjadikan Kampung Tanduo di Lahad Datu Sabah sebagai pengkalan.
11. Pencerobohan ini telah menimbulkan kekalutan bukan sahaja kepada masyarakat Sabah dan Lahad Datu khususnya tetapi kepada seluruh warga Malaysia. Walaupun UniMAP berada di Utara Semenanjung tetapi kita turut merasai tempias dengan kejadian yang menimpa saudara senegara kita.
12. Alhamdulillah, ‘Krisis Lahad Datu’ telah ditangani dengan amat baik oleh kerajaan Malaysia yang diberisan hadapannya adalah PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Tahniah diucapkan. Namun seperti yang kita sedia maklum, ianya meninggalkan kesan yang mendalam dalam hati kita.
13. Hal ini kerana dalam usaha mempertahankan Lahad Datu dari dicerobohi, kita telah kehilangan pejuang bangsa. Kami di UniMAP turut merasai keperitan hati pewaris perwira kita. Oleh itu, **marilah kita mengucapkan**

‘Takziah’ buat ahli keluarga mangsa dan menyedekahkan Al – Fatihah buat perwira kita yang kembali kerahmatullah. Semoga roh mereka ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.

14. Kepada YBhg. SAC Datuk Mohd Sofian, saya berharap agar beliau dapat memberi ulasan mengenai krisis ini selain berkongsi tindakan yang boleh kita laksanakan bagi mempertahankan negara kita dari gangguan anasir luar ini.

PENUTUP

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada YBhg. SAC Datuk Mohd Sofian bin Md Makimuddin di atas kesudian beliau melapangkan masa untuk bersama-sama kita pada hari ini. Sekalung penghargaan juga kepada Dr. Mohd Mizan Mohammad Aslam, Dr. Hj Huzili Husin dan PM Dr Zaliman Sauli serta seluruh warga kerja Unit Pembangunan Lestari, Pusat Teknologi Komunikasi & Pembangunan Insan, Pusat Ko-kurikulum dan PALAPES UniMAP atas komitmen untuk merealisasikan majlis ini.

Sekian.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.